

Malaysia-Thailand setuju percepat buka sempadan

Oleh HAKIMI ISMAIL

hakimi.ismail@medjamulia.cpom.my

PETALING JAYA: Malaysia dan Thailand bersetuju untuk berbincang di peringkat agensi bagi mempercepat lagi pembukaan semula pintu sempadan antara kedua-dua negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, perbincangan itu membabitkan pembukaan sempadan melalui skim Perjalanan Lengkap Vaksin (VTL) bagi Malaysia dan Test & Go bagi Thailand.

“Berkaitan pembukaan semula sempadan, saya dan Perdana Menteri Thailand, Prayuth Chan o-cha berbincang mengenai keperluan untuk membenarkan semula aktiviti rentas sempadan di antara kedua-dua negara.

“Sebagai permulaan, kita boleh melaksanakan VTL-Udara di antara Kuala Lumpur dan Bangkok bagi pengembara yang lengkap vaksinasi,” katanya dalam sidang akhbar di Bangkok, Thailand.

Menurut Ismail Sabri, skim VTL juga akan diperkembangkan untuk pembukaan sembilan sempadan darat melalui Bukit Kayu Hitam-Sadao serta termasuk semua CIQ di utara semenanjung dan Selatan Thailand, dan VTL-Laut di



ISMAIL Sabri Yaakob mengadakan perbincangan dengan Prayuth Chan o-cha sempena lawatan rasminya ke Thailand yang berakhir semalam.

antara Langkawi-Satun.

Langkah berkenaan, katanya, sudah tentu akan dapat membantu untuk memulihkan

semula jaringan ekonomi dan perniagaan di antara kedua-dua pihak terutamanya untuk sektor pelancongan.

Selain itu, katanya, kedua-dua negara juga telah bersetuju untuk mengiktiraf sijil vaksinasi Covid-19 masing-masing dan perkara itu amat penting untuk menyokong usaha-usaha pembukaan semula sempadan kedua-dua negara.

“Kita juga akan susuli dengan pengiktirafan sijil vaksin digital dan integrasi dua aplikasi MySejahtera Malaysia dan MorProm Thailand bagi memudahkan perjalanan rentas sempadan antara kedua-dua negara.

“Sebagai dua negara jiran yang dekat, Malaysia dan Thailand sentiasa mahu memastikan hubungan kerjasama yang erat dan utuh ini dapat dikekalkan bagi kepentingan bersama kedua-dua negara.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, lawatan rasmi pertamanya selama dua hari ke Thailand telah membuktikan komitmen kedua-dua negara dalam mengukuhkan hubungan dua hala serta meningkatkan kerjasama dalam pelbagai bidang terutamanya dalam fasa pemulihan pasca Covid-19.

Dalam pada itu, Perdana Menteri memberitahu, Malaysia dan Thailand akan meneroka peluang kerjasama dalam kajian serta penyelidikan vaksin Covid-19 dan juga vaksin-vaksin lain.